**Kelolaan Bersama**

SM

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**dengan**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

# PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH 2018

## SURAT MENYURAT

MASA : $1\frac{1}{2}$ jam

PERINGATAN:

Calon-calon MESTILAH menyiapkan TIGA PERKARA sahaja daripada empat perkara yang disediakan dengan memilih mana-mana perkara yang calon fikirkan mudah untuk membuatnya. TETAPI bagi PERKARA I (Menyalin) mestilah dibuat terlebih dahulu dalam masa 20 minit.

Arahan:

Katakanlah kamu seorang kerani/jurutaip dalam sebuah pejabat. Hari ini pejabat kamu berkehendakkan calon membuat beberapa kerja. Ikutlah arahan-arahan yang diberi di bawah ini bagi tiap-tiap kerja dalam Perkara-Perkara yang telah ditentukan.

1. Kamu mestilah membaca dan meneliti dengan cermat semua perkara dan arahan dalam kertas ini sebelum cuba menjawabnya.

2. Perlu diingatkan bahawa hasil kerja calon yang bersih dan teratur adalah suatu keutamaan dan keuntungan.

3. Kamu boleh menggunakan getah pemadam atau apa-apa jua jenis alat pemadam yang lain tetapi calon akan kehilangan markah jika kerja-kerja calon itu tidak bersih dan teratur. Jangan meninggalkan sebarang kesalahan yang tidak dibetulkan.

4. Kerja-kerja kamu mestilah merupakan naskhah-naskhah siap yang boleh diposkan dengan tidak mempunyai sebarang kekotoran dan kesalahan-kesalahan yang belum dibetulkan. Kesalahan hendaklah dibetulkan dengan cermat dan dalam keadaan yang seharusnya boleh menyenangkan perasaan Majikan atau Ketua Pejabat menerimanya.


© Hakcipta Kerajaan Brunei Terpelihara

**PERKARA I**

**ARAHAN:** Salin semula petikan rencana di bawah ini dengan menggunakan mesin taip dalam **JARAK SATU**. Gunakan margin kiri 3.8 cm (1½ inci). Kebersihan dan susunan yang elok dan menarik adalah diperlukan bagi hasil kerja taip kamu. **BAHAGIAN** ini hendaklah disiapkan dalam masa yang ditetapkan iaitu **DALAM TEMPOH 20 MINIT** sahaja.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meletakkan bidang pendidikan sebagai agenda nasional yang paling diberi keutamaan.

Sebab itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak teragak-agak berbelanja berjuta-juta ringgit dalam menyediakan apa jua yang merangkumi kemudahan bidang pendidikan dalam usaha untuk melahirkan rakyat yang berilmu dan berkemahiran sekali gus untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan.

Di sinilah peranan Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai institusi pendidikan tinggi untuk menerajui tanggungjawabnya secara langsung dalam membangun kapasiti sumber tenaga manusia yang akan membantu pembangunan dan kemajuan bangsa dan negaranya.

Kita sangat bangga atas pencapaian UBD setakat ini yang telah berjaya mengeluarkan

bersambung ....2/-

168

A000

graduan-graduan yang berkualiti dan berwibawa. Bagaimanapun selaras dengan perkembangan dan kemajuan, UBD perlu melihat ke hadapan dengan mengemaskinikan program-program yang relevan dengan keperluan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Majlis Konvokesyen ke-25 UBD telah melahirkan rasa gembira atas usaha UBD memperkenalkan semula bidang kejuruteraan di mana keperluannya kini meningkat.

**PERKARA II**

**ARAHAN:** Taip semula draf surat di bawah ini dalam **JARAK SATU** dengan membetulkan beberapa perubahan yang telah dibuat dalam keadaan bersih dan kemas bentuknya. Gunakan margin kiri 3.8 cm ($1\frac{1}{2}$ inci) dan bubuh tarikh hari ini dan penuhkan semua ejaan ringkas. Rujukan surat PMR/C/14 Pt.I dan akan ditandatangani oleh Sharuddin bin Abd Latif.

Mr. Robert Carrey,
Export Division Sales,
Motorolla, Off Jurong Drive,
Jln Sambawang, Singapura 221913.

Tuan,

SHB dan Tengahkan

Mercedes Benz 200 CE-Model ~~Baru~~ ~~2000~~ 2011

Dgn hormatnya sukacita saya merujuk percakapan kita melalui telefon dan surat Tuan bertarikh 14 hb. Ogos, 2014, mengenai dgn ~~pesanan~~ alat-alat ganti yg ~~kami~~ kami pasan bagi jenis kereta yg tersebut di atas, yang mana pihak tuan telah meminta telah diterima dan tidak lupa diucapkan terima kasih.

hb/.

sertakan dua keping Bank Draft yang berasingan

Bersama ini kami utk pembayaran seperti yang dikehendaki, iaitu :-

(1) Penyata Kira-Kira dan Invoice No. 06299 spym — $127,727.80

(2) Insurans Kapal dan Perbelanjaan Pengiriman - Invoice No. 602669 — $2,500.00

bayaran pendahuluan sebanyak 50% drp jumlah sebenar,

bersambung ..... 2/-

-2-

Diharap pihak Tuan akan menerima pembayaran-pembayaran tersebut (dgn) selamatnya agar pengirim~~an~~ an barang-barang tidak terlambat dan supaya akan dapat digunakan awal tahun 201~~4~~5 yang akan datang.

Kami ~~akan~~ sangat berbesar hati (utk) mendengar perkhabaran dari pihak Tuan (dgn) memaklumkan seberapa segeranya.

Dengan hormat,

(SHARUDDIN BIN ABD LATIF)

Pengurus,
~~Pengurus~~
Syarikat Pemasaran Motor Sejati,
Negara Brunei Darussalam.

**PERKARA III**

**ARAHAN:** Taip draf tawaran di bawah ini yang telah dibuat beberapa perubahan dan pembetulan dengan susunan yang menarik dan kemas bentuknya. Gunakan jarak yang bersesuaian dan penuhkan semua ejaan ringkas.

(SHB) → Syarat-Syarat Iklan Tawaran

hb/- 1. Tawaran [adalah] dipelawa (drp) Syarikat-Syarikat (yg) berdaftar dengan kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

hb/- 2. Bayaran Yuran [Tawaran bagi] setiap tawaran adalah dikehendaki dalam bentuk [Wang] Tunai. Penawar adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti (yg) diiklankan.

hb/- 3. Kadar Yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penawar sama ada (yg) berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

Y hb/- 4. Sebelum mengambil borang, setiap Penawar hendaklah ~~memb~~ membayar yuran Tawaran,

bersambung .... 2/-

168

A000

di Tingkat 1, Blok ~~B~~ 'B', Kaunter I, Unit Tunai dan Hasil, (Bhg) Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara brunei darussalam. Sila pastikan Resit Pembayaran Yuran Tawaran ~~di~~ yang diterima adalah betul.

hb/-

Hari dan Waktu Pembayaran ← Tengahkan

Isnin hingga Khamis:
8.00 Pagi hingga ~~12.00~~ 11.45 Pagi
1.45 Patang hingga 3.00 Patang

Sabtu:
8.00 Pagi hingga 10.~~00~~ 00 Pagi

168

A000

## PERKARA IV

**ARAHAN:** Taip semula penyata tahunan kewangan di bawah ini yang telah diperbetulkan dengan kemas dan menarik bentuknya. Gunakan jarak yang bersesuaian.

(SHB dan tengahkan) → Syarikat Usahasama Bersatu

PENYATA TAHUNAN

| | 2013 $ | 2012 $ |
|---|---|---|
| 1. PENDAPATAN | | |
| Pendapatan faedah (Nota 13) | 17,601,117 | 21,743,102 |
| Perbelanjaan faedah (Nota 17) | (15,910,504) | (10,436,292) |
| Pendapatan faedah bersih | 7,164,825 | 5,832,598 |
| Pendapatan ~~lain~~ lain (Nota 19) | (660,701) | (356,536) |
| | 35,558,770 | 44,146,905 |
| ~~2. PERBELANJAAN FAEDAH~~ | | |
| ~~Faedah-faedah daripada deposit tabungan dan deposit tetap~~ (pelanggan) | ~~15,909,689~~ | ~~10,435,545~~ |
| ~~Perbelanjaan faedah lain~~ | ~~202,815~~ | ~~747~~ |
| | ~~15,910,504~~ | ~~10,436,292~~ |
| 2. Pendapatan lain dan faedah | | |
| Bayaran daripada pinjaman dan pendahuluan | 18,840 | 17,625 |
| Caj khidmat dan komisen bayaran | 96,602 | 108,786 |
| Pendapatan sewaan | 54,822 | 63,187 |
| Pendapatan bukan kendali lain | (660,701) | 471,103 |
| | 365,536 | (195,272) |
| 3. Perbelanjaan | | |
| Susutnilai aset tetap | 1,487,321 | 1,307,566 |
| Elaun-elaun (Nota 10) | 231,962 | 210,736 |
| Sewa premis | 64,850 | 68,334 |
| Elaun Juruaudit | 36,240 | 32,500 |
| Kos personal | 182,788 | 104,875 |
| Perbelanjaan lain (Nota 21) | 913,868 | 443,340 |
| | 2,917,029 | 2,167,351 |

SEMUA HURUF BESAR

bersambung .... 2/-

Pengesahan Juruaudit :

Kami telah meneliti dan memeriksa penyata (yg dibutirkan diatas,) dan mendapatinya adalah betul menurut keterangan-keterangan sebagaimana (yg) dilampirkan.

| | |
|---|---|
| ------------------ | ------------ |
| (Ahmad bin Hussin) | (Anuar bin Othman) |
| Akauntan Awam | Akauntan Dilantik |

Tarikh: ~~(Hari~~ ---------- (Hari ini)

168

A000